

PAPER CODE : AR203

PENGARUH BUDAYA LUAR DALAM SENIBINA MASJID DI LEMBAH KINTA, PERAK: KAJIAN KES TERHADAP MASJID YANG DIBINA PADA TAHUN 1880-1930

Wan Noor Anira Hj Wan Ali^a, Norasikin Hj Hassan^b, Khalilah Hassan^c
^{a,b,c} Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia
wannoor367@perak.uitm.edu.my

Abstrak

Negeri Perak merupakan sebuah negeri yang kaya dengan nilai sejarah dan menjadi warisan bagi masyarakat masa kini. Salah satu nilai sejarah dan warisan ialah masjid-masjid tradisional atau masjid lama yang dibina antara tahun 1880 hingga tahun 1930 dengan bercirikan senibina yang unik dan indah. Masjid merupakan elemen fizikal yang terpenting bagi umat Islam sejak dari zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah kini. Ia merupakan sebagai tempat beribadah kepada Allah s.w.t. Maka kajian ini akan mengenalpasti sejarah pengaruh budaya luar terhadap perancangan senibina dan rekabentuk masjid di Lembah Kinta. Masjid- masjid ini ada yang berusia lebih daripada 100 tahun dan merupakan salah satu lambang senibina tempatan yang dipengaruhi dan diasimilasikan oleh budaya luar. Hal yang demikian, kajian ini akan mengenalpasti samaada senibinanya dipengaruhi atau diasimilasikan oleh budaya luar antaranya kolonial, Nusantara yang merujuk kepada Sumatera, Aceh atau Indonesia dan pengaruh asing lain seperti Arab, India dan China serta pengaruh yang dibawa oleh pedagang-pedagang Islam terdahulu. Ini termasuklah menganalisa dari segi rupa bentuk, seni ukiran dan konsep serta falsafah terhadap senibina masjid di Lembah Kinta serta unsur-unsur lain yang mempengaruhi rekabentuknya. Melalui penerangan dan kajian yang jelas, pengaruh budaya luar terhadap nilai-nilai konsep dan falsafah senibina masjid di Daerah Kinta dapat dikenalpasti. Di samping ia juga dapat mendidik masyarakat umum terhadap kepentingan nilai warisan senibinanya dan menjadi anjakan kesinambungan dalam budaya hidup masyarakat Islam Negeri Perak khususnya.

Kata Kunci: Budaya luar, Senibina, Masjid, Lembah Kinta, Pengaruh, Asimilasi.

1. Pengenalan

Kedatangan dan perkembangan Islam ke Tanah Melayu selain membawa ajaran Islam berupa akidah, ia juga telah mengembangkan konsep Islam iaitu *ad-Din* sebagai cara hidup. Di antara cara hidup yang terpenting yang berhubung rapat dengan *ad-Din* ialah masjid (Mohd Noor, A., 2011). Perkembangan agama Islam yang merangkumi pelbagai tamadun dan bangsa telah menghasilkan kepelbagaian rupa bentuk masjid. Pengaruh senibina yang telah dibawa dalam rupa bentuk masjid dapat dilihat dari struktur bumbung piramid hingga berbentuk kubah yang menjadi mercu tanda agama Islam di Malaysia.


Perkataan '*Masjid*' berasal dari bahasa Arab. Secara *harfiah* ia bererti tempat sujud, iaitu posisi ketiga dalam solat (*namaz*), ketika dahi orang yang solat menyentuh tanah dalam kepatuhan dan penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah S.W.T. Masjid merupakan bangunan Islam yang terpenting sejak zaman Rasulullah s.a.w sehinggalah kini dan disifatkan sebagai simbol kepada syiar Islam. Masjid merupakan pusat ibadat umat Islam yang mulia dan suci serta tempat sebagai menjana kecemerlangan umat Islam. Masjid juga berperanan sebagai pusat sosial dan merupakan elemen fizikal yang penting dalam masyarakat Islam untuk dihayati dan diimarahkan oleh orang-orang yang benar-benar beriman. Ia merupakan binaan fizikal yang digunakan oleh umat Islam

untuk sembahyang berjemaah, solat jumaat, beriktikaf dan ibadat lainnya adalah menepati firman Allah s.w.t yang bermaksud:

“Sesungguhnya masjid yang diasaskan kepada ketakwaan dari awalnya lebih patut engkau sembahyang padanya”

At-Taubat : 108

Masjid yang dimaksudkan dalam ayat diatas, bukan sahaja berperanan sebagai tempat sembahyang sahaja, tetapi sebagai institusi utama yang menjana pengimarahannya terhadap pelbagai dimensi yang sangat agung dalam perkembangan sistem sosial dan ekonomi umat Islam. Senibina masjid termasuk di dalam senibina bangunan yang penting di Malaysia. Selain menjadi lambang keagungan syiar Islam, masjid juga menjadi pusat pengembangan ajaran Islam. Sejarah telah membuktikan institusi masjid berperanan dalam aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kehidupan umat Islam setiap lapisan. Semasa zaman Rasulullah s.w.t, masjid dijadikan sebagai pusat penyatuan umat Islam melalui aktiviti-aktiviti pentadbiran, gedung ilmu dan pusat pembentukan akhlak serta pusat muamalat.



Rajah 1: Masjid Nabi di Madinah, dahulu dan kini
Sumber: Rethinking Islamic Architecture

2. Sejarah perkembangan senibina masjid

Senibina masjid merupakan senibina Islam yang dibangunkan bertujuan menempatkan manusia dihadapan Tuhan dengan cara memperlihatkan ruang yang dibentuk, diatur, dan disesuaikan dengan pelbagai teknik senibina. Al- Qur'an juga telah menjelaskan kepada kita tentang senibina. Penerangan dari wahyu Allah s.w.t telah dijadikan sumber rujukan bagi para sarjana. Antaranya ialah Al- Qur'an telah memberitahu bahawa Allah s.w.t adalah Maha Mencipta, dan segala ciptaanNya adalah sempurna. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam banyak surah, antaranya pada surah an- Naba', ayat 12 dan 13 yang memberitahu kepada manusia bahawa Allah s.w.t telah membinakan tujuh langit yang kukuh di atas manusia:

“Dan Kami telah membina di atas kamu tujuh petala (langit) yang kuat kukuh” (12)
“Dan Kami telah mengadakan matahari menjadi lampu yang terang-benderang cahayanya” (13)

An-Naba': 12, 13

Mengikut sejarah Islam, masjid terawal didirikan adalah di zaman Rasulullah s.a.w iaitu Masjid Quba. Ia dibina setelah sehari baginda berhijrah ke Madinah dan diikuti pula dengan pembinaan Masjid An-Nabawi atau Masjid Nabi. Masjid ini telah dibina oleh Nabi bersama pengikut-pengikutnya apabila tiba di Kota Madinah. Bermula dari sejarah pembinaan masjid inilah, ajaran

dan sunnah Islam telah berkembang ke merata tempat dengan menjadikan masjid sebagai pusat penggerak dan perkembangan ajaran Islam.

Hal yang demikian, sejarah perkembangan seni bina Islam di Tanah Melayu bermula setelah kedatangan para pendakwah Islam seawal abad ke 12 Masihi. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu adalah bermula dengan pelayaran mubaligh Islam dari Semenanjung Tanah Arab, benua China dan India serta Sumatera yang menjadikan Tanah Melayu sebagai kawasan persinggahan, menjalankan urusan perdagangan dan menjadikan kawasan persinggahan mereka sebagai tempat menyebarkan agama Islam. Secara langsung ia turut mempengaruhi kesenian dan kebudayaan masyarakat tempatan termasuklah dalam aspek perkembangan seni bina masjid di Tanah Melayu.

Senibina rumah Melayu tradisional merupakan ciri-ciri seni bina masjid terawal di Malaysia. Dari semasa ke semasa, gabungan dan percantuman unsur-unsur seni bina Islam dari negara Turki, Arab, Maghribi, Parsi, India, dan China telah membentuk dasar seni bina bagi sebahagian daripada masjid di Malaysia. Ciri-ciri yang nyata pada sesebuah masjid ialah kubah, menara, bumbung, pintu besar, tiang-tiang utama, mimbar masjid, mihrab, hiasan di ruang-ruang sebelah dalam masjid seperti seni ukir dan seni khat. Masjid-masjid yang terkemudian mempunyai kubah berbentuk bawang. Kubah jenis ini muncul selepas negara dijajah oleh Inggeris. Gaya pembinaan ini diilhamkan daripada seni bina Timur Tengah dan India.

Masjid Melayu tradisional biasanya diperbuat daripada kayu dan bumbungnya berbentuk atap tumpang atau 'meru'. Bumbung tumpang adalah dibina bertingkat-tingkat, besar di bahagian bawah, dan meruncing ke bahagian atas. Bilangan 'meru' biasanya ganjil (3 atau 5) kerana mengikut kepercayaan orang-orang Melayu, angka ganjil (ghasal) dianggap angka yang suci. Di antara tingkat-tingkat bumbung terdapat ruang berbentuk jendela untuk penyaliran udara dan cahaya supaya keadaan di dalam masjid nyaman dan selesa. Dinding, jendela, dan jejala untuk menepati fungsinya mempunyai nilai-nilai estetika (Mohammad Tajuddin, 2010).

Senibina berunsur Islam ini dibangunkan oleh kelompok pendatang yang berperanan menyebarkan dakwah di Tanah Melayu. Binaan masjid yang dibangunkan oleh golongan tersebut mempamerkan kebudayaan tempat asal mereka. Hasil peninggalannya memberi kesan kepada masyarakat Tanah Melayu serta memberikan gambaran yang sempurna tentang sejarah perkembangan seni bina masjid di Malaysia.

2.1 Sejarah awal Budaya Islam di Lembah Kinta

Sejarah negeri Perak bermula dengan penabalan Sultan Muzaffar Syah I yang berketurunan dari Sultan Mahmud Syah Melaka pada tahun 1528. Negeri Perak amat dikenali kaya dengan khazanah hasil bumi iaitu bijih timah yang ditemui oleh Long Jaafar di Larut pada tahun 1848 serta di Kinta oleh Dato' Panglima Kinta. Dato' Panglima Kinta yang pertama berasal dari Sumatera dan berhijrah ke Lembah Kinta. Lembah Kinta menjadi penting selepas campur tangan British di Perak pada tahun 1874. Hal ini terbukti dengan catatan daripada pegawai-pegawai British seperti J.W.W. Birch dan McNair's. Ketika itu, terdapat beberapa petempatan yang penting di Kinta yang tercatat dalam peta British iaitu Ipoh, Paloh, Gopeng dan Kampar (Nasution dan Lubis, 1999).

Pada tahun 1877, Ipoh yang asalnya sebuah kampung Melayu telah dijadikan bandar utama di Kinta. Implikasi dari perkembangan kawasan perlombongan menyebabkan banyak pengaruh asing dari luar telah memasuki Kinta. Migrasi dari luar seperti orang Cina, India dan Inggeris telah berhijrah dan menetap di lembah ini. Antara tahun 1776 hingga 1850, ramai orang Cina dan pedagang Islam Cina telah datang ke Perak. Pada tahun 1882, sebanyak 4,000 orang Cina telah menetap di Kinta dan menjangkau 38,000 orang pada tahun 1888. Kebanjiran imigran Cina di Kinta adalah dipengaruhi oleh sistem pentadbiran British yang memperkenalkan ekonomi kapitalis. Hal yang demikian juga, ramai dikalangan orang Cina telah memeluk Islam.

Perkembangan Islam di Kinta juga disebabkan oleh kemasukan pedagang-pedagang Islam dari India, Cina dan Sumatera yang dipercayai datang melalui Melaka dan negeri-negeri Pantai Timur. Antara tahun 1875 hingga 1911, Raja Bilah yang berasal dari Mandailing, Sumatera pernah tinggal

di Papan, Perak dan pernah dilantik sebagai pengutip cukai timah di sekitar Kinta daripada pelombong bijih timah yang melalui Sungai Kinta. Manakala antara tahun 1882 hingga 1909, beliau telah dilantik sebagai penghulu di Papan.

Ipoh telah berperanan sebagai pertemuan sungai, jalan raya dan landasan kereta api serta pusat komersial kepada Kinta. Kinta telah mencapai zaman kegemilangannya pada awal akhir abad ke-19 hingga menjelang zaman pendudukan tentera Jepun pada tahun 1942 sehingga ke tahun 1945. Zaman penjajahan Jepun telah memindahkan ibu negeri Perak dari Taiping ke Ipoh. Ipoh dikelilingi oleh pekan-pekan perlombongan bijih timah seperti Batu Gajah, Kampar dan Gopeng. Ini menunjukkan bahawa kedatangan islam di Lembah Kinta adalah melalui pedagang-pedagang dan pekerja lombong bijih timah dari tanah India, Sumatera dan Cina. Secara tidak langsung, pengembang agama dan pedagang pada masa itu telah membawa tamadun dan cara hidup islam mereka melalui senibina masjid seperti rekabentuk bumbung dan kubah masjid. Mereka menggunakan masjid sebagai pusat pengembangan ajaran dan agama Islam di Kinta.

Jadual 1.0: Kronologi kemasukan pengaruh luar di Lembah Kinta, Perak

| Bilangan | Tahun Kemasukan | Pengaruh Luar |
|----------|-----------------|----------------------------|
| 1. | 1850 | Cina dan Sumatera |
| 2. | 1870 | British/Kolonial dan India |
| 3. | 1875 | Sumatera/Acheh |
| 4. | 1942 | Jepun |

Sumber: Perak Historical Buletin, Book Landmarks of Perak (2006).



Rajah 2: Pembangunan Kinta dan aktiviti perlombongan yang dijalankan pada zaman kegemilangannya

Sumber: Perak Historical Buletin

2.2 Nilai sosial dan budaya dalam senibina masjid

Seni bina ialah manifestasi amalan budaya sesebuah masyarakat yang mencerminkan suatu cara hidup, kepercayaan dan falsafah mereka. Seni bina boleh memperlihatkan kepada kita akan bagaimana idea-idea kreatif masyarakat sesebuah tamadun itu diolah untuk membina identiti sesebuah tamadun itu mengikut acuannya yang tersendiri (Arbi, E.,1997). Senibina bukan sahaja dilihat pada bentuk- bentuk bangunan dan teknologi binaan, malahan ia turut mencerminkan budaya, falsafah hidup dan tamadun sesuatu bangsa. Seni bina adalah alam bina ciptaan manusia yang memberi refleksi langsung terhadap sosial, budaya, politik dan aspirasi masyarakat tersebut. Setiap bentuk dan binaan mempunyai sebab dan maksud. Sebagai contoh, pembinaan rumah Melayu berpintu rendah bertujuan supaya setiap orang yang memasuki rumah akan menundukkan kepala bagi mengelakkannya terhantuk. Ia menjadi lambang kepada adab bersopan santun di samping sebagai tanda menghormati tuan rumah (M. A. J.Beg, 1981, Harun, S.N. 2005). senibina merupakan satu aspek warisan budaya yang penting kerana menunjukkan identiti dan kreativiti bangsa. Ia dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti cuaca, sumber alam, budaya dan adat resam dan pengaruh luar (Mansor, A., 2012).

Kedatangan Islam di Nusantara telah membawa suatu perubahan khususnya dari bidang kesenian. Secara beransur-ansur pengaruh seni bina Islam mula diterapkan pada bangunan-bangunan tempatan terutamanya masjid-masjid. Para ulama memberikan pendidikan dalam kalangan masyarakat melalui pengajian agama di istana atau masjid-masjid (Mohd Noor, A., 2011). Jika ditinjau kepada pensejarahan seni bina masjid di seluruh dunia, masyarakat Islam terdahulu seperti di Timur Tengah, Afrika, Asia Tengah, Asia Tenggara, Timur Jauh dan sebagainya telah membangunkan binaan masjid berdasarkan kepada budaya dan kemampuan yang diwarisi daripada temurunan sebelum mereka. Terdapat pelbagai rekabentuk dan seni bina masjid di seluruh dunia disebabkan oleh peranan iklim dan persekitaran, kedapatan bahan binaan, keahlian tukang atau teknologi yang ada, sistem budaya dan faktor kedaerahan lain yang berbeza. Perbezaan tersebut jugalah yang telah membentuk kekeluhuran kepada masyarakat yang membangunkan seni bina masjid tersebut. Teknik binaan yang telah digunakan adalah sama dengan binaan yang telah digunakan ke atas rumah kediaman. Binaan yang dibangunkan oleh golongan tersebut mempamerkan kebudayaan tempat asal mereka (Surat, M, 2011).

Seni bina boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu seni bina vernakular dan pengaruh ke daerahan. Ia dibezakan dan diterjemahkan melalui bentuk bumbungnya serta pengaruh yang dibawanya. (Ahmad, A.G, 1999). Kebanyakan masjid Melayu warisan yang terdapat di Pantai Barat Semenanjung Tanah Melayu telah dibangunkan oleh tukang-tukang yang berhijrah dari Indonesia terutamanya dari Jawa dan Sumatera pada awal kurun ke 20 Masehi. Binaan bumbung meru bertingkat adalah berdasarkan kepada idea yang dibawa dari tanah air mereka terutamanya dari Masjid Agung Demak yang telah dibangunkan diperingkat awal kerajaan Islam Demak pada pertengahan kurun ke 16 Masehi (Surat.M, 2011). Masjid Demak adalah seni bina masjid terawal yang mempunyai ciri seni bina rumah Melayu tradisional. Ia merupakan hasil kebudayaan dan dibangunkan dengan memanfaatkan pelbagai komponen bahan alamiah yang ada dilingkungan sekitarnya. Bentuk masjid yang sedemikian tersebar ke seluruh Nusantara terutamanya ke daerah yang diduduki oleh masyarakat Islam. Reka bentuk seni bina masjid berbeza dari satu tempat ke tempat yang lain disebabkan oleh faktor iklim, topografi, persekitaran dan cara hidup masyarakat tempatan. Keadaan geografi dan deretan pulau yang membentangi Nusantara yang luas ini dengan suku bangsa yang berbeza-beza yang dilatarbelakangi oleh kebudayaan melahirkan kepelbagaian seni bina dengan menampilkan identiti budaya daerahnya masing-masing. (Surat, M. 2011).

Mereka membina masjid yang seni binanya disesuaikan dengan alam dan persekitaran setempat, khususnya iklim yang panas dan hujan sepanjang tahun, serta dipadankan pula dengan bahan-bahan daripada kayu yang mudah didapati tanpa menjejaskan fungsi masjid. Seperti juga reka bentuk rumah tradisional lama, alam sekitar merupakan salah satu unsur penting yang mempengaruhi seni bina masjid tradisional yang mana pemilihan bahan binaannya adalah melihat kepada penggunaan sumber yang boleh diperbaharui. Setiap masjid di nusantara melambangkan menifestasi seni bina Islam yang berkembang dengan perkembangan kebudayaan tamadun islam. Masjid merupakan salah satu monumen penting dalam tamadun Islam, masjid dilihat sebagai simbol kehadiran Islam disesebuah kawasan tersebut. Dengan hadirnya masjid masyarakat boleh memahami dan beranggapan bahawa komuniti masyarakat Islam telah mula wujud serta berkembang disesebuah kawasan tersebut. Masjid mempunyai peranan yang besar dan agung bagi umat Islam kerana ia bukan sahaja pusat ibadat khusus seperti sembahyang dan i'tikaf tetapi mempunyai peranan yang lebih luas. Bahkan di suatu ketika dahulu masjid pernah menjadi pusat pemerintahan, kebudayaan, muamalah, dakwah Islamiah, aktiviti kebajikan dan pendidikan umat Islam.

2.3 *Senibina dan rekabentuk masjid*

- Kubah
- Bumbung
- Menara Masjid
- Mihrab/mimbar

3. Metodologi

Metodologi kajian meliputi kajian lapangan dan analisa terhadap lima buah masjid di sekitar Lembah Kinta. Kelima-lima buah masjid ini dipilih berdasarkan pada era ia dibina dan terletak di dalam Lembah Kinta serta mempunyai sejarah pengaruh budaya luar terhadap perancangan senibina dan rekabentuknya. Setiap masjid akan dianalisa berdasarkan kepada kubah, bumbung, menara masjid, mihrab dan mimbar serta seni ukiran pada pintu dan jendela serta dinding masjid (*Jadual 2.0*). Antara masjid yang telah dipilih adalah Masjid Papan, Masjid Panglima Kinta, Masjid Ahmadiyah, Masjid India Muslim dan Masjid Kampung Paloh. (*Jadual 3.0*)

Jadual 2.0: Analisa masjid berdasarkan struktur binaan luaran dan seni ukiran

| Bilangan | Struktur Binaan Luaran dan dalaman | Seni Ukiran/ Motif |
|----------|------------------------------------|---------------------|
| 1. | Bumbung | Pintu dan tiang |
| 2. | Kubah | Jendela dan tingkap |
| 3. | Menara | Dinding |
| 4. | Mihrab | Mihrab |
| 5. | Mimbar | Mimbar |

Jadual 3.0: Kronologi Masjid di kawasan kajian

| Bilangan | Nama | Tahun |
|----------|-----------------------|-------|
| 1. | Masjid Papan | 1888 |
| 2. | Masjid Panglima Kinta | 1898 |
| 3. | Masjid Ahmadiyah | 1905 |
| 4. | Masjid India Muslim | 1908 |
| 5. | Masjid Kampung Paloh | 1912 |

Sumber : Kajian Lapangan di Daerah Kinta, Perak 2012

3.1 Kajian Kes

a) Masjid Papan




Rajah 3: Masjid Papan, Kampung Papan, Perak

Masjid Papan terletak di Kampung Papan dan ia dibina pada tahun 1888, hasil daripada sebidang tanah pemberian pelombong cina kepada Raja Bilah. Inisiatif pembinaan Masjid Papan ini dilakukan Raja Bilah kerana populasi orang islam di Papan meningkat pada tahun 1887 disebabkan


oleh kemasukan pekerja asing dari Mandailing, Rawa dan Mingkabau. Dahulunya, Masjid Papan merupakan satu-satunya masjid di Pekan Papan yang menjadi tempat umat Islam berkumpul untuk melakukan solat harian dan solat mingguan pada hari jumaat.

Analisa senibina Masjid Papan

Pelan perancangannya berasaskan bentuk segiempat yang didirikan di kaki bajang yang terdiri daripada ruang solat, mihrab, mimbar, serambi dan dua bilik tambahan iaitu untuk imam dan loteng. Masjid ini menggunakan konsep '*bumbung limas bungkus*' iaitu bumbung berbentuk berlapis dan meruncing pada sisi yang rendah. Masjid ini tidak mempunyai menara. Ia menggunakan kaedah memukul tabuh bagi memberitahu waktu solat. Pembinaan Masjid Papan adalah dipengaruhi oleh Sumatera dan china yang dapat dilihat pada sistem bumbung yang berlapis serta adaptasi dari butiran motif. Motif berdasarkan bunga, kosmos dan motif geometri seperti awan larat dan gerimis bunga yang terdapat di pintu masuk utama serta di sebahagian mihrab dan mimbar. Ia menggunakan teknik ukiran kayu tradisional separuh tebuk dan tebuk timbul. Dibahagian mihrab, terdapat lubang kecil yang berperanan sebagai lubang udara dan cahaya. Selain itu, pengaruh Aceh jelas kelihatan pada rekabentuk hiasan puncaknya atau tunjuk langit yang wujud persamaan pada hiasan puncak Masjid Babussalam di Aceh. Terdapat juga pengaruh budaya Melayu setempat pada bahagian tiang Masjid Papan. Masjid yang dibina pada era ini tidak mempunyai menara kerana ia mempunyai loteng dan ketuk-ketuk sebagai penanda masuknya waktu solat. Imam akan menaiki loteng bagi melaungkan azan. Terdapat juga beduk yang digunakan pada zaman dahulu untuk memaklumkan perkara-perkara penting seperti kematian yang berlaku dikalangan masyarakat Islam sekitar.



Rajah 4: Loteng dibahagian atas dan pengaruh Aceh pada hiasan puncak/tunjuk langit serta motif separuh tebuk dan tebuk timbul pada bahagian mimbar dan mihrab serta pintu masuk ke ruang solat



Rajah 5: Tiang yang dipengaruhi oleh budaya Melayu setempat serta lubang kecil yang terdapat di bahagian mihrab dan ketuk-ketuk serta beduk yang terdapat di dalam Masjid Papan

b) Masjid Panglima Kinta



Rajah 6: Masjid Panglima Kinta, Ipoh, Perak

Masjid ini dikenali sebagai '*Masjid Tengah*' yang terletak di Jalan Masjid, Ipoh iaitu di tepi tebing Sungai Kinta dan berdekatan dengan Jambatan Sultan Iskandar. Masjid Panglima Kinta dibina oleh Dato' Panglima Kinta Mohamed Yusof pada tahun 1898 sempena memperingati isterinya yang telah kembali ke rahmatullah. Ia adalah masjid pertama dibina di Ipoh. Di bahagian belakang masjid ini, terdapat tanah perkuburan ahli keluarga Dato' Panglima Kinta dan di sebelah masjid pula didirikan Madrasah Kamaliah iaitu Sekolah Arab yang pertama di Ipoh. Menurut Perak Gazet, kos pembinaan masjid ini ialah sekitar RM15, 000. Pada dahulunya, Sungai Kinta adalah terletak di tepi Masjid Panglima Kinta yang mana kawasan sekarang ini adalah kawasan perkuburan keluarga Dato' Panglima Kinta Mohamed.

Analisa senibina Masjid Panglima Kinta

Masjid Panglima Kinta mempunyai dua menara, anjung dan kubah batu di sebelah bahagian timur. Pembinaan menara adalah diadaptasi dari pengaruh India. Menara dan kubah yang dibina adalah berbentuk bersegi dan geometri serta bertingkat. Di bahagian mimbar pula, terdapat seni ukiran yang bermotifkan bunga-bunga dan awan larat yang diukir pucuk dan bunganya menaik dan menurun ke bawah. Ukiran ini membawa maksud kepada menuju Tuhan yang Esa (bahagian menaik) dan menunjukkan sifat-sifat rendah hati dan beriman kepada Tuhan (bahagian menurun). Manakala, kubah adalah berbentuk kubah dalaman dan berbentuk bawang yang dipengaruhi oleh senibina India dan Timur Tengah. Secara keseluruhannya, bangunan masjid ini telah direkabentuk dengan menggabungkan senibina Moghul dan *Neoclassical* dan mempunyai rekabentuk dan senibina yang hampir sama dengan Masjid India Muslim.



Rajah 7: Bahagian mimbar yang diukir penuh dengan motif bunga serta 'arch' yang dibentuk melengkung separuh bulatan (senibina Neoclassical) dan bahagian atas pintu masuk yang dibentuk konsep kipas penuh

c) Masjid Ahmadiah



Rajah 8: Masjid Ahmadiah, Kampung Kepayang, Perak

Masjid Ahmadiah ini terletak di jalan utama Ipoh-Gopeng berhampiran Kampung Kepayang, Simpang Pulai. Zaman kegemilangan perlombongan bijih timah di Kampung Kepayang dan Simpang Pulai pada akhir abad ke-19 telah mencetuskan pembinaan masjid ini. Ia dibina oleh Toh Sedewa Ahmad. Beliau merupakan pembesar Melayu di kawasan ini dan juga Orang Besar Enam Belas. Menurut catatan yang tertera pada bangunan masjid ini, tahun pembinaannya ialah pada tahun 1905.

Analisa senibina Masjid Ahmadiah

Senibina dan rekabentuk masjid ini adalah dipengaruhi oleh budaya Melayu setempat, Sumatera dan Bugis. Ia dapat dilihat pada bahagian bumbung masjid yang berbentuk 'meru' atau *limas bungkus* yang mendatar dan meruncing ke bawah. Bumbung Masjid Ahmadiah ini mempunyai persamaan dengan Masjid Papan. Masjid ini tiada pembinaan menara tetapi mempunyai bahagian loteng. Ini kerana pada bahagian dalam masjid iaitu di ruang solat, terdapat tangga yang menghubungkan ke bahagian loteng. Dahulunya, ia berperanan sebagai tempat untuk melaungkan azan. Selain daripada loteng, penggunaan ketuk-ketuk yang dipengaruhi oleh budaya Melayu setempat juga digunakan untuk memberitahu masuknya waktu solat. Ciri pembinaan pada bahagian ragam hias mimbar Masjid Ahmadiah adalah dipengaruhi oleh Bugis iaitu berkonsepkan motif geometri dan kosmos serta bahagian atas mimbar adalah meruncing ke atas. Di ruang mengambil wudhuk (kolam yang dikelilingi empat tiang) dan bahagian serambi terdapat tingkap dan kekisi angin di bahagian pintu masjid yang berkonsepkan kipas separuh juga diaadaptasikan dari senibina Bugis dan *Neoclassical*.



Rajah 9 : Menunjukkan mimbar, ketuk-ketuk, tangga menuju ke loteng, bahagian serambi luar dan ruang mengambil wuduk di Masjid Ahmadiyah yang mempunyai senibina pengaruh setempat, Sumatera dan Bugis

d) Masjid India Muslim



Rajah 10: Masjid India Muslim, Ipoh, Perak

Masjid India Muslim ini terletak di lokasi Jalan Clayton atau dikenali juga sebagai Jalan S.P.Seenivasagam. Ia dibina pada tahun 1908 yang diasaskan oleh Sheikh Adam yang berketurunan Tamil. Beliau telah mewakafkan tanah tersebut untuk pembinaan masjid bagi komuniti India Muslim. Masjid ini berusia lebih dari 100 tahun. Kos pembinaan masjid ini di anggarkan berjumlah RM500, 000. Ia juga turut dikenali sebagai '*Masjid Padang Kota*' dan merupakan antara 147 bangunan yang digazetkan sebagai bangunan warisan yang terdapat disekitar Bandaraya Ipoh.

Analisa senibina Masjid India Muslim

Pembinaan dan senibina kubah, tiang dan ruang dalaman serta menara masjid ini adalah berkonsepkan gaya Moghul dan Chitya India yang mana hampir sama bentuknya dengan Dewan I-Khas di Delhi. Kubahnya adalah berbentuk bawang dan berkonsepkan kekubah bulat. Manakala terdapat corak yang bermotifkan geometri dan bunga-bunga di setiap ruang di dalam masjid terutamanya di bahagian mimbar dan mihrab, pintu masuk, tiang serta dinding masjid. Pengaruh senibina masjid ini terhasil daripada gabungan senibina Moghul, India Selatan dan juga pengaruh tempatan.



Rajah 11: Rekabentuk mimbar dan mihrab yang diadaptasikan sama dengan konsep menara dan kubah yang berbentuk bulat dengan gaya senibina Moghul, India. Bahagian dinding, tiang dan Tunjuk Langit Masjid India Muslim pula bermotifkan seni ukiran geometri.

e) Masjid Kampung Paloh




Rajah 12: Masjid Paloh, Ipoh

Kawasan tanah Masjid Kampung Paloh adalah diwakafkan oleh Long Kassim yang pada asalnya hanya diwakafkan sebagai kawasan tanah perkuburan sahaja. Walaubagaimanapun, hasil daripada perkembangan masyarakat Islam serta Raja Bugis dan Aceh (pemerintah dahulu, pada tahun 1603) yang memeluk Islam menyebabkan sebahagian kawasannya dibina sebagai masjid. Ia telah dibina oleh orang kaya-kaya Dato' Seri Adika Di Raja Wan Mohamed Salleh pada tahun 1912. Pembinaan masjid ini juga hasil daripada sumbangan derma oleh Toh Puan Hajah Sharifah Rodiah. Beliau merupakan pengasas dan penaung Madrasah Sharifah yang dibina di sebelah Masjid Kampung Paloh. Dibahagian sebelah dan belakang masjid ini terdapat tanah perkuburan yang menempatkan beberapa pemerintah dan orang kenamaan Negeri Perak dahulu, antaranya ialah makam Abdul Gantang Wahab (Menteri Besar Perak yang pertama), makam Menteri Besar Perlis yang pertama serta makam bapa saudara kepada Sultan Azlan Shah. Menurut Siak (En. Zul) masjid ini juga, Tunku Abdul Rahman dan Sukarno pernah singgah dan bersolat di Masjid Kampung Paloh.

Analisa senibina Masjid Kampung Paloh

Rupabentuk dan senibina Masjid Kampung Paloh adalah dipengaruhi oleh senibina Melayu, Sumatera dan Aceh. Menurut waris Toh Puan Hajah Sharifah Rodiah, beliau menyatakan bahawa tenaga kerja bagi pembinaan masjid ini adalah dibawa dari Sumatera dan Aceh. Bahagian bumbung masjid adalah berkonsepkan '*bumbung limas bungkus*' yang sama dengan Masjid Papan dan Masjid Ahmadiyah. Uniknyanya, masjid ini tidak mempunyai kubah. Manakala pembinaan menara adalah berkonsepkan geometri yang berbentuk segiempat dan berlapis. Terdapat juga tunjuk langit yang menjadi simbolik kepada senibina masjid di Negeri Perak. Di bahagian mimbar juga terdapat tunjuk langit yang disokong oleh ukiran motif bunga dan meruncing ke atas yang membawa maksud menuju kepada Tuhan yang Esa. Jelas kelihatan ukirannya yang berkonsepkan sumatera hasil daripada gabungan motif awan larat, geometri dan kosmos. Masjid Kampung Paloh ini juga mempunyai lubang udara dan cahaya di bahagian mihrab iaitu terdapat jendela kecil di bahagian tengahnya.



Rajah 13: Menunjukkan mihrab dan mimbar serta ruang solat dan serambi luar yang disokong oleh tiang bersegi empat di Masjid Kampung Paloh

4. Penemuan kajian

Jadual 4.0: Pengaruh budaya bagi setiap masjid yang dikaji di Lembah Kinta.

| Tahun Dibina | Masjid | Pengaruh Budaya Luar |
|---------------------|-----------------------------|---|
| 1888 | Masjid Papan, Papan. | Setempat (Melayu), China, Aceh dan Sumatera. |
| 1898 | Masjid Panglima Kinta, Ipoh | Moghul, Timur Tengah, India dan Neoclassical (Moorish). |
| 1905 | Masjid Ahmadiyah, Gopeng | Setempat (Melayu), Sumatera dan Neoclassical (Bugis). |
| 1908 | Masjid India Muslim, Ipoh | Moghul, India Selatan dan Neoclassical (Moorish). |
| 1912 | Masjid Kampung Paloh, Ipoh | Setempat (Tradisional), Aceh dan Sumatera. |

Sumber: Kajian kes dan analisis lapangan

Jadual 5.0: Struktur senibina dan rekabentuk masjid yang dipengaruhi oleh budaya luar dan setempat.

| Masjid | Struktur Binaan Luaran | | | Struktur Binaan Dalaman | | | | Seni Ukiran/Motif | | | | |
|-----------------------|------------------------|--------|-------|-------------------------|--------|--------------|-----------------------|-------------------|-------|---------|--------|--------|
| | Bumbung | Menara | Kubah | Mimbar | Mihrab | Ruang wudhuk | Lubang angin & cahaya | Tingkap /Jendela | Tiang | Dinding | Mihrab | Mimbar |
| Masjid Papan | √ | × | × | √ | √ | × | √ | √ | × | × | √ | √ |
| Masjid Panglima Kinta | √ | √ | √ | √ | √ | × | × | × | √ | × | √ | √ |
| Masjid Ahmadiyah | √ | × | × | √ | √ | √ | √ | √ | × | × | √ | √ |
| Masjid India Muslim | √ | √ | √ | √ | √ | × | × | √ | √ | × | √ | √ |
| Masjid Kg.Paloh | √ | √ | × | √ | √ | × | √ | √ | √ | × | √ | √ |

√ Ada

× Tiada

Sumber: Kajian kes dan analisis lapangan

Kesimpulan

Selari dan sejajar dengan perkembangan Islam di Negeri Perak, senibina masjid juga turut berkembang dalam pelbagai gaya dan bentuk senibinanya. Berbagai rekaan senibina masjid yang diasimilasikan samada dari budaya setempat atau pengaruh budaya luar telah didirikan bagi membolehkan umat Islam menunaikan ibadat dan mengimarahkan masjid. Secara amnya, senibina dan rekabentuk masjid sering dikaitkan dengan kubah berbentuk bulat dan menara tetapi tidak semua masjid di Lembah Kinta (kajian kes) mempunyai kedua-dua ciri ini antaranya adalah Masjid Papan, Masjid Ahmadiyah dan Masjid Kampung Paloh. Ini kerana, ia merupakan salah satu masjid yang dipengaruhi oleh budaya setempat iaitu tradisional Dunia Melayu dan kebanyakannya adalah berbumbungkan atap tumpang dan bertingkat. Masjid tersebut juga dipengaruhi oleh faktor era atau tahun pembinaan, yang mana senibina masjid Dunia Melayu sebelum abad ke 19 tidak mempunyai kubah. Selain itu, persamaan yang ada dalam senibina masjid di kajian kes adalah mihrab dan mimbar. Kesemua masjid mempunyai mihrab (sebagai tanda yang menunjukkan arah kiblat) dan mimbar bagi para khatib membaca khutbah sewaktu sembahyang jumaat dan sembahyang AidilAdha dan Aidilfitri. Pada bahagian mimbar dihiasi dengan ukiran yang bermotifkan geometri, kosmos dan bunga-bunga serta motif awan larat yang dipengaruhi oleh budaya masyarakat setempat, Sumatera dan India. Perkembangan motif kosmos, haiwan dan tumbuh-tumbuhan(flora) masih mempengaruhi perkembangan seni ukiran pada senibina mimbar (kajian kes) dan ia telah distilasikan sesuai dengan ajaran dan anutan pada zama kemasukan dan kedatangan Islam di Lembah Kinta, Perak.

Rujukan

Jurnal

Aminudin Mansor, Warisan seni terap cinta budaya, Harian Metro. Artikel ini disiarkan pada : 14 Februari 2012.

Ahmad, A.G (1999), The Architectural Styles of Mosques in Malaysia: From Vernacular to Modern Structures, Proceedings of the Symposium on Mosque Architecture: The Historic and Urban Developments of Mosque Architecture, King Saud University, Riyadh, Saudi Arabia, Vol. 2, 1999, p. 147-163) 31 Jan. 99 - 3 Feb. 99.

Ahmad, A.G. (1997) British Colonial Architecture in Malaysia 1800-1930. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium Malaysia.

Arba'Iyah Mohd Noor (2011), Perkembangan Pensejarahan Islam Di Alam Melayu: Journal of Al-Tamaddun Volume: 6 Issue: 1 Pages: 29-50 Published: 2011

Ezrin Arbi, Ke Arah Jatidiri Senibina Dalam Konteks Nusantara, kertas kerja Simposium Nusantara ,
UiTM Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar. 21 Jun 1997.

Fine Arts in Islamic Civilization. (1981). M.A.J Beg (Ed.). (Introduction). Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.

Siti Norlizaiha Harun (2005), Perkembangan Sejarah Dan Pengaruh Ke Atas Senibina Di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas. Artikel diterbitkan dalam Buletin Perancang, JPBD, UiTM Perak, 2005.

Surat.M, and Rasdi.M.T.M, and Musa.A.R, and Utaberta.N, and Tahir.M.M, (2011), Salah Tanggapan Terhadap Kubah Pada Senibina Masjid: Pengaruh Pengisian Sejarah Dalam Hasrat Rekabentuk Masjid. Jurnal Rekabentuk dan Binaan, special issue . pp. 1-16. ISSN 1985-6881

Surat .M, and Abdullah .N.A.G, and Usman .I.M.S, and Tawil .N.M, and Ismail .A.H, (2011), Kajian Dan Analisis Terhadap Asas Dan Akar Rekabentuk Masjid-Masjid Warisan Di Alam Melayu. Jurnal Rekabentuk dan Binaan, special issue . pp. 17-43. ISSN 1985-6881.

Nasution, K.S. dan Lubis, A.R. (1999). Risalah panduan terhadap bangunan dan tapak warisan bagi ibu negeri Perak, Ipoh: bandar yang dibina oleh timah. Perak: Kerajaan Negeri Perak.

Tesis

Tajuddin M Rasdi, Mohd.1999. Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat, Skudai, UTM (*The Mosque as a community development center: programme and architectural design guidelines for contemporary muslim societies, 1998*). Tesis Sarjana UTM Skudai, 138.

Buku

Kon Yit Chin, Huai-Yan Chang and Voon Fee Chen (2006), Landmarks of Perak. Rns Publication sdn bhd, ISBN 9789814308205.

Mohammad Tajuddin Mohammad Rasdi (2000), Rethinking Islamic Architecture. Strategic Information and Research Development Centre, ISBN 9789833782895.